

16/12/1998

Reformasi Dr Mahathir menakutkan Barat

Rakyat Yang Cintakan Ilmu

BARU-BARU ini kita dikejutkan dengan kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore yang menyentap perasaan kebanyakan rakyat Malaysia. Tidak payahlah saya mengulangi apakah yang diucapkan Gore yang mengejutkan itu.

Apakah yang sebenarnya berlaku? Adakah Gore menghina sistem kerajaan di negara ini? Apakah Gore benar-benar bersimpati dengan segelintir rakyat Malaysia yang tunjuk perasaan di jalanan? Apakah AS tidak suka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau banyak mengutuk barat dan apakah yang sebenarnya yang hendak disampaikan Gore?

Cerita sebenarnya mula berlaku pada awal 1980-an lagi. Kewujudan kuasa baru iaitu Jepun banyak menggugat kuasa barat.

Barat terseksa dengan kuasa baru ekonomi ini.

Pada masa itu, Barat memberi amaran kepada Jepun bahawa mereka tidak mahu melihat ada negara mengikut jejak langkah Jepun yang semakin maju. Negara yang mereka maksudkan ialah negara dunia ketiga terutama sekali anggota Asean.

Pada masa itu mereka dapat melihat sedikit sebanyak kebangkitan negara anggota Asean terutama Malaysia. Pada awal 1990-an, kemajuan Malaysia menjadi bertambah ketara dan ini membimbangkan Barat.

Mereka bimbang melihat Dr Mahathir yang menjadi nadi penggerak kemajuan Malaysia. Mereka menjadi bertambah bimbang apabila Dr Mahathir mengadakan dasar pandang ke Timur. Ini bermaksud Dr Mahathir mahu Malaysia mencontohi Jepun.

Sekarang, heboh di sana sini rakyat Malaysia bercerita mengenai reformasi. Dr Mahathir sudah mengadakan banyak reformasi sejak dulu lagi. Reformasi yang dijalankan Dr Mahathir menakutkan Barat. Reformasi pandang ke timur, reformasi bekerja kuat, Malaysia boleh dan yang paling ditakuti pihak Barat adalah Reformasi cintakan ilmu.

Reformasi cintakan ilmu benar-benar menakutkan pihak Barat kerana mereka tahu jika negara ini mendukung reformasi ini maka negara kita pasti paling maju dan kaya di dunia. Inilah sebab utama mengapa Barat tidak suka kepada Dr Mahathir, bukan kerana Dr Mahathir mengutuk mereka. Lagi satu yang ditakuti Barat ialah reformasi Dr Mahathir akan menjadi contoh kepada negara dunia ketiga lain.

Berbalik kepada ucapan Gore, apakah yang hendak disampaikannya kepada rakyat Malaysia. Apakah beliau mahu mengutuk corak pemerintahan Dr Mahathir. Apakah beliau benar-benar bersimpati dengan rakyat negara ini yang menjalankan demonstrasi di jalanan. Setiausaha Negara AS, Madeleine Albright juga membuat kacau.

Apakah Albright benar-benar bersimpati dengan nasib golongan tertentu. Jawapannya mudah sekali. Gore dan Madeleine sebenarnya mahu menimbulkan konflik dalam jiwa rakyat Malaysia.

Mereka mahu lebih ramai rakyat negara ini menyertai gerakan reformasi. Pihak Barat mahu rakyat negara ini berpecah. Mereka mahu melihat penyokong kumpulan ini berperang sesama sendiri dan apabila perkara itu terjadi sudah tentu negara ini akan binasa. Maka terkuburlah cita-cita Dr Mahathir mahu memajukan negara ini berserta dengan reformasi beliau iaitu reformasi cintakan ilmu.

Barat menggunakan bermacam cara untuk memecahbelahkan rakyat negara ini. Mereka menggunakan Internet, media asing, menyebarkan berita angin dan lain-lain semata-mata untuk memesongkan fikiran rakyat. Sedikit sebanyak

mereka berjaya memesonkan pemikiran rakyat negara ini memandangkan kebanyakan rakyat tidak berilmu dan tidak mahu menggunakan akal.

Saya bukanlah penyokong mana-mana kumpulan atau parti politik tetapi Dr Mahathir banyak mereformasikan diri saya.